

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan dalam usaha menangani rasuah yang merupakan musuh utama negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023 yang memberi penekanan kepada enam bidang keutamaan yang berisiko tinggi rasuah iaitu tadbir urus politik, pentadbiran sektor awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan dan tadbir urus korporat yang dijadikan sebagai strategi utama dengan 82 inisiatif pencegahan rasuah di peringkat nasional.

Daripada 82 inisiatif ini, SPRM sendiri menerajui 11 inisiatif pencegahan rasuah dengan sokongan beberapa agensi lain termasuklah tindakan memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta membuat kajian terhadap beberapa peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pencegahan rasuah.

Sekian, terima kasih.